

10/09/2001

Status MSC hanya untuk firma dalam koridor

SYARIKAT yang beroperasi di luar daripada kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC), tidak akan diberi status syarikat MSC, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak akan memberi status kepada syarikat di luar koridor kerana ia akan menggagalkan keseluruhan tujuan mengwujudkan MSC... kita sudah melabur begitu banyak dalam koridor ini," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita pada penghujung hari pertama mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC yang berlangsung tiga hari di Cyberjaya, minggu lalu.

MSC meliputi kawasan seluas 750 kilometer (km) persegi dari Kuala Lumpur hingga Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang yang dikenal pasti sebagai pusat pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi serta produk dan perkhidmatan multimedia.

Ketika ini, syarikat yang mendapat status MSC layak menikmati beberapa kelebihan seperti mengambil pekerja asing berkebolehan dan insentif cukai daripada kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, demi menjaga kepentingan pelabur dan keseluruhan pembangunan projek MSC sendiri, kerajaan tidak mempunyai niat untuk memberi status istimewa itu kepada syarikat di luar koridor.

Mengenai isu lain, perdana menteri berkata, kerajaan sedang mencari rakan kongsi baru projek bagi e-village yang akan dibangunkan negara, yang kini dibebani dengan masalah kewangan.

"Kita tidak membatalkannya. Pelaburan awal kita tidak mencukupi tetapi memulihkannya akan mengambil sedikit masa kerana kita terpaksa menunggu satu lagi pihak menyertainya," jelas beliau.

E-village dilancarkan lebih setahun yang lalu tetapi projek itu tidak mencapai sasaran setelah kekurangan dana khususnya sokongan yang lembap daripada industri pembuat filem tempatan.

Syarikat yang menjalankan e-village, Entertainment Village Sdn Bhd, kini sudah menyerahkan projek berkenaan kembali kepada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Mengenai desas desus yang MDC akan disusun semula, pengerusi eksekutifnya, Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata wujud rancangan mengurangkan pelaburannya dan membawa masuk mereka yang lebih berkebolehan.

Diminta menjelaskan dengan lebih lanjut mengenainya, beliau mendedahkan bahawa beberapa orang mungkin 'dikeluarkan' dari MSC termasuk beliau sendiri dan menegaskan bahawa 'begitulah caranya'.

(END)